

CEKAK MAUT



B. Harian (M)
- 8 FEB 1991

PENLAK / SILAT

SATU pertempuran sengit berlaku di antara dua kumpulan. Secara tiba-tiba keadaan menjadi kelam kabut terutama melihat kedua-dua kumpulan itu menggunakan senjata berbahaya.

● LIHAT MUKA 3

Silat berguna ketika cemas

Oleh ROSLEN FADZIL

Gambar YAHAYA HASHIM

K-8 FEB 1991
EINDAHAN silat Melayu, sebagaimana juga seni mempertahankan diri yang lain, mempunyai pelbagai rahsia tersirat. Ia memerlukan ketangkasan fizikal dan pancaindera.

Bagaimanapun, ia bukanlah sesuatu yang boleh diperolehi sekelip mata. Ia memerlukan ketabahan dan semangat serta digabungkan dengan kekuatan akidah.

PENCAK SILAT

Berdasarkan faktor itu, seseorang yang berhasrat mempelajari seni silat, perlu berhati-hati supaya tidak melakukan ajaran yang terpesong daripada matlamat sebenarnya.

Ada juga yang berpendapat bahawa mempelajari silat adalah perbuatan sia-sia. Biasanya, mereka mengemukakan pendapat ini kerana membuat perbandingan dengan senjata canggih yang lebih berkesan untuk menewaskan musuh.

Mereka juga berpendapat, silat sudah ketinggalan zaman dan hanya sesuai untuk tatapan masyarakat di majlis rasmi seperti perkahwinan, majlis rasmi dan sukan.

Bagaimanapun, pendapat ini ditentang oleh mereka yang arif mengenai seni mempertahankan diri ini. Mereka tetap mempertahankan bahawa amalan bersilat amat berguna ketika kecemasan, khususnya serangan jarak dekat yang melibatkan sentuhan badan. Malah, ia mampu menewaskan musuh yang bersenjata.

Silat juga ada pelbagai jenis. Salah satu daripadanya ialah silat cekak. **B. Harian (M)**

Silat cekak lebih tertumpu kepada cara mempertahankan diri daripada serangan musuh. Ia tidak menggunakan ketangkasan kaki kerana pergerakan kaki yang tinggi lebih berbahaya sewaktu menangkis.

Menurut Ketua Penerangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), Jamaluddin Haji Hanafi, silat cekak berakar umbi di Kedah sejak kurun ke-19, ketika zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah.

"Ketika itu, seorang pengiring baginda yang hanya dikenali sebagai Panglima Ismail, sangat disegani oleh rakyat Kedah kerana kebolehannya yang tangkas bersilat.


"Beliau banyak berjasa membanteras jenayah dalam negeri serta mematahkan serangan lanun terutama dari Siam," katanya yang juga anak kepada bekas Guru Utama Silat Cekak, Allahyarham Ustaz Hanafi Haji Ahmad.

Beliau berkata, ramai yang percaya bahawa silat yang diamalkan oleh Panglima Ismail itu ialah silat cekak. Ini berasaskan kepada gerak-gerinya tidak banyak berbeza dengan yang diamalkan pada hari ini.

"Selepas sekian lama, ditakdirkan Panglima Ismail bertemu pula dengan seorang lagi pahlawan Kedah, Panglima Tok Rashid. Hasil pertemuan itu, silat cekak diperturunkan sepenuhnya oleh Panglima Ismail kepada beliau," katanya.

Beliau berkata, kesinambungan silat ini berterusan lagi apabila ia diwariskan pula kepada Yahaya Said dari Perak. Beliau mengamalkan silat itu selama 40 tahun sehinggalah beliau bertemu Ustaz Hanafi Haji Ahmad, orang yang bertanggungjawab menghidupkan Silat Cekak hingga sekarang.

Tarikh 5 Ramadan 1385 Hijrah bersamaan 28 Disember



MEMATIKAN gerakan lawan.

B. Harian (M)
- 8 FEB 1991

1965, adalah detik bersejarah. Silat cekak dihidupkan semula di satu majlis di sebuah rumah di Jalan Gunung, Alor Star, Kedah, atas usaha Ustaz Hanafi Haji Ahmad. Menerusi kepeimpinannya, silat cekak mula disebar dengan meluas ke seluruh negeri sehinggalah pada 1971, apabila PSSCM peringkat wilayah ditubuhkan. - 8 FEB 1991

Selepas Ustaz Hanafi kembali ke rahmatullah pada 13 Ogos 1986, pimpinan persatuan itu diambilalih pula oleh Ishak Itam, yang bergelar Guru Utama, hingga sekarang. Berkat ketekunan beliau serta pembantunya, mereka berjaya menarik lebih ramai ahli menyertai persatuan itu.

Menurut Encik Jamaluddin, kira-kira 20,000 sudah menjadi ahli PSSCM di seluruh Malaysia merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar, guru dan golongan profesional. B. Harian (M)

Baru-baru ini, sempena perayaan Jubli Perak PSSCM, satu demonstrasi Silat Cekak oleh seramai 100 ahli persatuan diadakan di perkarangan kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Petaling Jaya.

Pelbagai demonstrasi silat dipersembahkan ramai termasuk langkah silat cekak atau lebih dikenali dengan istilah 'buah'.

Ada 21 'buah' dalam silat cekak. Antaranya ialah Buah

Pertama, Buah Kilas Hadapan, Buah Kuntau Jatuh, Buah Kuntau Kiri, Buah Kuntau Kanan Gantung, Buah Ali Patah Atas, Buah Selendang, Buah Gari Gunting dan Buah Hempuk.

Setiap buah berbeza fungsinya. Sebagai contoh, Buah Kuntau Jatuh adalah untuk menangkis serangan di bahagian dada manakala Buah Gari Gantung pula mengacip leher musuh.

Selain itu, demonstrasi Silat Papan Sekeping juga ditunjukkan. Ia berfungsi untuk mempertahankan diri di tempat yang sempit terutama dalam keadaan yang sukar bergerak ke kiri atau kanan.

Encik Jamaluddin berkata, seperti beberapa seni mempertahankan diri yang lain, silat cekak juga mempunyai senjata yang tersendiri iaitu Parang Lading.

Silat ini juga mempunyai pantang larang tersendiri, antaranya, tidak boleh menderhaka kepada guru silat, ibu bapa atau menghina silat Melayu jati yang lain.



TENDANGAN maui.



B. Harian (M)
- 8 FEB 1991

MENANGKIS serangan.

MEMATAHKAN ancaman musuh.

